

Pembangunan tanah Felcra di Perak, 1970-1995

Muhammad Ariff bin Mohd Noor*

Sekolah Kebangsaan Sg. Paku, Kapit, Sarawak, Malaysia

*Correspondence: Muhammad Ariff bin Mohd Noor (email:mohamadariffmohdnoor@yahoo.com)

Received: 10 Okt 2025; **Revised:** 30 Nov 2025; **Accepted:** 20 Dis 2025; **Published:** 29 Dis 2025

To cite this article (APA): Mohd Noor, M. A. (2025). Pembangunan tanah Felcra di Perak, 1970-1995. Munsyi Jurnal Pengajian Sejarah, 3(2), 56-68. <https://doi.org/10.37134/munysi.vol3.2.4.2025>

Abstrak

Makalah ini mengkaji sejarah perkembangan rancangan tanah FELCRA di Perak mulai 1970-1995. Ia turut membincangkan program pembangunan tanah yang dijalankan oleh FELCRA di negeri berkenaan. Kajian ini menggunakan metodologi sejarah dengan pendekatan kualitatif yang melibatkan empat peringkat penyelidikan, iaitu heuristik, kritik sumber, pentafsiran dan penulisan sejarah. Sumber primer diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, serta Hansard Parlimen Malaysia yang diakses melalui laman sesawang rasmi Parlimen Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa FELCRA memainkan peranan penting dalam pembangunan tanah luar bandar di Perak melalui pelaksanaan beberapa program utama seperti pemuliharaan tanah, Rancangan Tanah Pinggir, Rancangan Tanah Belia dan Projek Penyusunan Semula Kampung-Kampung (PPSK). Pelaksanaan program-program ini telah menyumbang kepada peningkatan taraf hidup masyarakat luar bandar, khususnya kaum Melayu, dari segi ekonomi dan sosial. Selain memperkukuh ekonomi peserta melalui aktiviti pertanian yang lebih terancang, pembangunan yang dilaksanakan turut membawa kepada perkembangan sosial seperti penyediaan kemudahan pendidikan, perkhidmatan kesihatan serta penambahbaikan sistem perhubungan dan komunikasi. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai keterbatasan kerana hanya memfokuskan kepada tempoh masa dan program tertentu, tanpa membincangkan program lain yang dilaksanakan oleh FELCRA di Perak seperti Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) dan Pembangunan Kampung Secara *In-Situ*. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang peranan FELCRA dalam pembangunan sosioekonomi luar bandar di negeri Perak.

Katakunci: FELCRA, Masyarakat Luar Bandar, Perak, Pembangunan Tanah, Sosioekonomi

Abstract

This paper examines the historical development of FELCRA in the state of Perak from 1970 to 1995. It also discusses the land development programmes implemented by FELCRA in the state. The study adopts a historical methodology using a qualitative approach, which involves four stages of research: heuristics, source criticism, interpretation, and historical writing. Primary sources were obtained from the National Archives of Malaysia in Kuala Lumpur, as well as the Malaysian Parliamentary Hansard accessed through the official website of the Parliament of Malaysia. The findings indicate that FELCRA played a significant role in rural land development in Perak through the implementation of several major programmes,

including land rehabilitation, the Fringe Land Scheme, the Youth Land Scheme, and the Village Restructuring Project (PPSK). The implementation of these programmes contributed to improvements in the standard of living of rural communities, particularly the Malay population, in both economic and social terms. In addition to strengthening participants' economic conditions through more structured agricultural activities, the development initiatives also led to social progress, such as the provision of educational facilities, healthcare services, and improvements in transportation and communication systems. However, this study has certain limitations as it focuses only on a specific time period and selected programmes, without examining other initiatives implemented by FELCRA in Perak, such as the Integrated Agricultural Development Project (IADP) and in-situ village development programmes. Therefore, further research is recommended to provide a more comprehensive understanding of FELCRA's role in rural socio-economic development in the state of Perak.

Keywords: FELCRA, Rural Communities, Perak, Land Development, Socioeconomic

Pengenalan

FELCRA atau *Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority* adalah sebuah badan berkanun kerajaan yang dibentuk ekoran daripada desakan untuk membina ekonomi yang lebih baik untuk negara. Ia adalah hasil gagasan kerajaan pimpinan Tun Abdul Razak Bin Dato' Hussein. FELCRA ketika itu bermatlamat untuk mendorong dan membantu rakyat desa dalam aktiviti ekonomi agar taraf hidup mereka dapat ditingkatkan. Rancangan tanah FELCRA di Perak menyumbang kepada perkembangan pembangunan tanah di Perak dari tahun 1970-1995. Perbincangan dalam makalah ini merujuk kepada perkembangan yang berlaku semasa FELCRA masih bertaraf sebagai badan berkanun dan belum diambilalih oleh kerajaan sebagai entiti syarikat milik penuh kerajaan pada 1997. Pembangunan tanah yang dilakukan oleh FELCRA di negeri Perak dalam tempoh kajian ini berjaya menjana pembangunan sosial dan masyarakat luar bandar secara langsung berkesan.

Latar Belakang FELCRA

FELCRA merupakan singkatan kepada Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan, sebuah agensi yang ditubuhkan secara rasmi pada 1 April 1966. Penubuhan FELCRA adalah berlandaskan peruntukan undang-undang yang dikenali sebagai Akta Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan 1966.¹ Walau bagaimanapun, Secara dasarnya, penubuhan FELCRA diumumkan lebih awal sebelum pewartaan akta tersebut, iaitu laporan di dalam *Berita Harian* pada 21 September 1964.² Seperti yang tergambar melalui namanya, FELCRA ditubuhkan sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam pembangunan tanah bagi tujuani pertanian negara.³ Ia dilihat sebagai mekanisme penting untuk menyediakan jalan keluar daripada kemiskinan melalui aktiviti pertanian yang dijalankan di tanah-tanah yang diperuntukkan kepada peserta yang terpilih.

¹ Abdul Rahman Abdul Aziz, *Pembangunan 1960-an: daripada kata-kata Tun Abdul Razak Hussein*, (Kuala Lumpur: ITBM), 94.

² FELCRA, *Berita Harian*, 21 September 1964.

³ Sulong Mohamad dan Katiman Rostam, *pembangunan tanah di Malaysia*, (Kuala Lumpur: , Federal Land Development Authority (FELDA).2007), 1.

Jelasnya, FELCRA diberi kuasa untuk melaksanakan misinya dalam memperbaiki sosio-ekonomi penduduk setempat khususnya di Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Pelaksanaan ini adalah selari dengan peruntukan dalam akta penubuhannya yang menetapkan keperluan untuk memulih dan memajukan tanah kerajaan, termasuk tanah-tanah penempatan yang diduduki oleh orang ramai, sama ada atas inisiatif sendiri FELCRA atau melalui persetujuan pihak berkuasa negeri yang berkaitan. Sebagai contoh, FELCRA melaksanakan Program Rancangan Tanam Semula di mana agensi ini memberikan baja dan serti nak benih yang berkualiti kepada peserta. Selain itu, pihak FELCRA juga mempunyai kuasa untuk bekerjasama dengan pemilik tanah persendirian mengikut terma dan syarat yang dipersetujui bersama.

Sepanjang tempoh kajian ini, pembangunan tanah adalah misi utama FELCRA. Hal ini bertepatan dengan realiti bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan sumber semula jadi, di mana kira-kira 60 peratus keluasan negara terdiri daripada kawasan tanah luar bandar yang berpotensi untuk dimajukan secara ekonomik.⁴ Sehubungan itu, pada dekad 1960-an, kerajaan Malaysia berusaha membangunkan tanah melalui penubuhan FELCRA. Pembangunan tanah dianggap sebagai satu kaedah berkesan bukan sahaja untuk menjana pendapatan negara, malah bagi mengatasi masalah tanah-tanah luar bandar yang berpotensi untuk dimajukan tetapi terbiar.

Selain pembangunan tanah, FELCRA turut memainkan peranan penting dalam menangani masalah pewarisan tanah dalam kalangan masyarakat desa. Pembahagian tanah pusaka antara waris sering menyebabkan keluasan tanah semakin mengecil sehingga tidak lagi ekonomik untuk diusahakan. Justeru, melalui penyatuan dan pemulihan tanah, FELCRA menyediakan tanah yang boleh diusahakan secara lebih produktif oleh para peserta. Usaha ini secara langsung menyumbang kepada peningkatan pengeluaran pertanian negara, sekali gus memberikan kesan positif terhadap ekonomi nasional apabila lebih banyak tanah luar bandar dapat dimajukan.

Dalam melaksanakan misinya, FELCRA memperkenalkan pendekatan yang tersendiri iaitu pendekatan pembangunan tanah secara bersepadu. Dalam konteks ini, Kewujudan FELCRA bukan sahaja tertumpu kepada usaha menukar tanah luar bandar yang tidak produktif kepada tanah pertanian yang produktif, malah turut menyumbang kepada pembangunan sosial serta pembentukan pemikiran masyarakat luar bandar. Golongan pemilik tanah yang terlibat kemudiannya dikenali sebagai peserta FELCRA yang bukan sahaja menerima manfaat ekonomi, tetapi juga pendedahan kepada pengurusan pertanian yang lebih sistematik dan moden.⁵

Dalam usaha meningkatkan pengeluaran hasil pertanian, Akta Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok 1960 diperkenalkan dan akta ini membolehkan pembukaan tanah di kawasan desa untuk tujuan pertanian.⁶ Dalam konteks ini, FELCRA memainkan peranan penting melalui penglibatannya dalam mengambil alih rancangan pembangunan tanah kerajaan negeri yang gagal dilaksanakan, sebelum membangunkannya semula di bawah program FELCRA. Jelasnya, FELCRA berfungsi sebagai sebuah agensi pemangkin (katalis) kepada pembangunan

⁴ Abdul Aziz Abdul Rahman. *Economic Reforms and Agricultural Development in Malaysia*, *Asean Economic Bulletin* April, 1998) 59 – 76.

⁵ Main Rindam, *Tanah Terbiar: Masalah dan penyelesaiannya*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 43.

⁶ Shamsul Bahrin, *Kemajuan Tanah dan Penempatan Semula di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011), 17.

luar bandar. Sebagai agensi katalis, FELCRA bertindak sebagai “jambatan” atau perantara antara Kerajaan Negeri, selaku pihak berkuasa pentadbiran tanah, dan golongan peneroka, iaitu peserta yang dipilih untuk membangunkan tanah dengan bantuan FELCRA.

Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970 turut memperkukuh peranan FELCRA, khususnya dalam usaha memperbaiki taraf hidup penduduk luar bandar dan mengurangkan jurang pendapatan antara kaum dan wilayah melalui rancangan penyatuan dan pemulihan tanah.⁷ Dalam tempoh pelaksanaan DEB, FELCRA menggandakan usahanya untuk memberi peluang kepada keluarga yang tidak memiliki tanah untuk memiliki tanah serta mampu meningkatkan pendapatan mereka melalui Rancangan Tanah Pinggir.⁸ Di samping itu, FELCRA turut menumpukan kepada penyediaan peluang pekerjaan kepada golongan belia yang tidak mempunyai tanah melalui Rancangan Tanah Belia.⁹ Selain itu, penubuhan FELCRA juga bertujuan untuk meningkatkan lagi daya pengeluaran dalam ekonomi negara melalui penerapan pertanian moden, perancangan yang sistematik, penggunaan benih yang bermutu tinggi, tenaga kerja yang cekap, penyediaan perumahan yang teratur serta kemudahan asas yang mencukupi.¹⁰

Pada 1990, FELCRA merekodkan kejayaannya memajukan 238,846 hektar tanah terbiar. Tanah berkenaan dimajukan dengan ditanam pelbagai tanaman yang mempunyai nilai pasaran yang stabil dan berdaya saing seperti getah, kelapa sawit, koko, padi dan lain-lain lagi. Usaha untuk memajukan dan memulihkan tanah terbiar semakin diberikan penekanan yang serius dan dilaksanakan secara lebih tersusun dalam Rancangan Malaysia Keenam (1990-1995).¹¹ Ia sejajar dengan dasar kerajaan yang menyasarkan untuk membangunkan masyarakat luar bandar dan meningkatkan produktiviti sektor pertanian.

Kesimpulannya, FELCRA memainkan peranan yang signifikan dalam pembangunan tanah di Malaysia dengan memanfaatkan tanah-tanah yang berpotensi bagi membantu peserta terpilih meningkatkan taraf hidup mereka. Usaha ini secara tidak langsung menyumbang kepada pengurangan jurang pendapatan antara penduduk luar bandar dan bandar, sekali gus menyokong agenda pembangunan sosioekonomi negara secara lebih seimbang.

FELCRA dan Pembangunan Tanah di Perak

Pembangunan tanah FELCRA di Perak bermatlamat untuk membantu keluarga miskin di kawasan luar bandar dan membolehkan mereka mempunyai kerja yang menghasilkan pendapatan yang mencukupi dan melepasi garis kemiskinan.¹² Ini kerana kebanyakan masyarakat Melayu yang berada di luar bandar mempunyai tanah tetapi mereka tidak mengusahakan atau memajukannya dengan baik. Maka, FELCRA bertindak dengan mengurus, melatih dan memberi bantuan kepada masyarakat luar bandar untuk memajukan aktiviti pertanian. Jelasnya, FELCRA membantu masyarakat Melayu untuk mengkomersialkan tanah mereka melalui sektor pertanian.

⁷ Bushra Yusof, *Dasar-Dasar Kerajaan Malaysia: Dasar Ekonomi*, (Kuala Lumpur: A. S. Noordeen, 1993), 26.

⁸ FELCRA, 2015, *Misi, Visi, Objektif & Teras Kumpulan Hal Ehwal Peserta*, diakses di <https://epeserta.felcra.com.my/sepintas-lalu/visi-misi-objektif-khep>, 18 Januari 2021.

⁹ *Ibid*

¹⁰ Majalah FELCRA: *The Land Consolidation and Rehabilitation*, (Ibu Pejabat FELCRA, Kuala Lumpur, 1988),

¹¹ Dewan Rakyat. Parlimen Ketujuh, Penggal Keempat. Mesyuarat Pertama. 6 Mac 1990 <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-06031990.pdf>. 10 Januari 2021

¹² Rokiah Talib, *Land Development: Strategy for Change*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 94.

Dalam sejarah FELCRA di Perak, FELCRA Rasau di Slim River merupakan rancangan FELCRA pertama yang ditubuhkan di negeri berkenaan.¹³ Setelah itu, terdapat 20 buah rancangan FELCRA dibuka di seluruh negeri Perak meliputi daerah Hilir Perak, Hulu Perak, Kinta, Kuala Kangsar, Batang Padang, Kerian, Mualim dan Majung. FELCRA berkenaan adalah sepertimana senarai berikut;

1. FELCRA Seberang
2. FELCRA Nasaruddin (Pemulihan)
3. FELCRA Nasaruddin (Belia),
4. FELCRA Chepor
5. FELCRA Gerik
6. FELCRA Sungai Siput
7. FELCRA Changkat Sulaiman
8. FELCRA Bidor
9. FELCRA Pengkalan Hulu
10. FELCRA Lembah Bernam
11. FELCRA Bendang Besar
12. FELCRA Gunung Tunggul
13. FELCRA Jalan Karchu
14. FELCRA Kampung Perlis
15. FELCRA Kledang Sayong
16. FELCRA Lekir
17. FELCRA Seri Gala
18. FELCRA Sungai Durian
19. FELCRA Sungai Malau
20. FELCRA Titi Gantung

Tiga penempatan terbesar adalah FELCRA Seberang Perak, FELCRA Nasaruddin dan FELCRA Lekir.¹⁴ Terdapat rancangan FELCRA yang dibangunkan tanpa penempatan penduduk tetap dan hanya melibatkan aktiviti perladangan semata-mata. Secara umumnya, rancangan FELCRA yang disertai oleh penempatan penduduk mempunyai potensi yang lebih besar untuk berkembang sebagai kawasan yang maju, kerana pembentukan komuniti masyarakat baharu akan mendorong kewujudan perkampungan serta merangsang pembangunan sosial dan ekonomi setempat.

Sama seperti misinya di peringkat kebangsaan, pembukaan FELCRA di Perak merupakan satu inisiatif kerajaan negeri dalam membantu golongan luar bandar dalam meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar supaya ini dapat membanteras kemiskinan di kalangan penduduknya. Pada awalnya, terdapat sebanyak 25 buah kawasan di Perak untuk didirikan FELCRA dengan penanaman utama iaitu padi, kelapa sawit dan juga getah.¹⁵ Terdapat lebih daripada 10,000 orang peserta yang dipilih menjadi peserta pada awal pembukaan tanah FELCRA di Perak seawal tahun 1966.

¹³ Temubual. En. Mohd Isa Bin Abu Bakar di Pejabat FELCRA Wilayah Perak. Ketua Unit Perancang Tanam Semula. 23 Disember 2020

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ Temubual. En. Mohd Isa Bin Abu Bakar di Pejabat FELCRA Wilayah Perak. Ketua Unit Perancang Tanam Semula. 23 Disember 2020

FELCRA melaksanakan pembangunan tanah berdasarkan peruntukan kewangan yang disediakan setiap tahun. Peruntukan kewangan lazimnya dibahaskan setahun awal dan dilaksanakan setahun selepas dibentangkan.¹⁶ Ia bertanggungjawab untuk melaksanakan pelbagai program utama bagi membangunkan tanah yang memerlukan aktiviti penyatuan dan pemulihan tanah. Tujuan utama bagi pelaksanaan program ini adalah untuk memastikan semua tanah yang terlibat dalam pembangunan pertanian menjadi lebih ekonomik. Di dalam konsep penyatuan ini, kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh FELCRA adalah melalui usaha penyatuan tanah dari segi pengurusan tanah yang mempunyai pemilik tetapi terbiar bagi tujuan untuk memajukan pelaksanaan program pertanian yang bersepadu melalui pengurusan FELCRA.¹⁷ Salah satu daripada pendekatan yang digunakan adalah dengan memindahkan penduduk pelbagai kaum dari kawasan yang lebih maju ke kawasan yang ingin dibangunkan. Proses ini dikenali sebagai “penyatuan kawasan” dan ia dijalankan dengan tujuan supaya tanah yang terbiar berkenaan dapat dimajukan, disatukan dan ditingkatkan hasil pengeluarannya bagi membangunkan ekonomi peserta yang terlibat dan seterusnya ekonomi negara.

Selain daripada penyatuan kawasan, terdapat satu lagi sistem pengurusan yang digunakan oleh pihak FELCRA. Ia dikenali sebagai ‘sistem pert’. Sistem ini bertujuan untuk menukarkan sesebuah kawasan menjadi kawasan ladang. Dan ia dibangunkan sebagai kawasan pertanian kolektif yang dirancang bagi meningkatkan taraf dan daya pengeluaran pekebun kecil bagi menjadikan mereka ‘pemegang atau pemilik kepada saham ladang yang baharu dibangunkan tersebut. Pembahagian saham adalah dengan berasaskan kadar pemilikan tanah masing-masing. Kaedah pelaksanaan begini telah mewujudkan pengurusan secara berpusat yang mana ia dikendalikan oleh FELCRA.

Oleh itu, pembangunan tanah FELCRA di Perak membawa kepada peningkatan pertanian yang membawa kepada kebolehpasaran yang membantu orang melayu keluar dari takuk yang lama. Sebagai contoh peningkatan hasil disebabkan baja yang digunakan berkualiti dari tahun ke tahun. Program pembangunan tanah yang dilakukan oleh pihak FELCRA secara langsung telah membantu orang melayu berkembang dari pelbagai aspek samada aspek ekonomi mahupun sosial.

FELCRA dan Pembangunan Tanah di Perak

FELCRA di Perak melakukan pembangunan tanah dengan beberapa cara antaranya pemulihan tanah dan penyatuan tanah. Dengan cara ini, pembangunan yang dilakukan lebih tersusun dan lebih teratur. FELCRA di Perak juga melakukan pembangunan tanah melalui program Rancangan Tanah Pinggir, Rancangan Tanah Belia dan Projek Penyusunan Semula Kampung-Kampung (PPSK). Oleh itu, dengan adanya rancangan tanah ini, pembangunan yang berlaku mampu dilaksanakan dengan lebih baik.

Dalam perlaksanaan semua rancangan berkenaan, FELCRA perlu mematuhi beberapa syarat yang ditetapkan. Sebagai contohnya, dalam menjalankan kerja pemulihan tanah pihak FELCRA diwajibkan untuk menggajikan pekerja tempatan. Ia bergantung kepada keperluan FELCRA yang mana pihak FELCRA dibenarkan untuk memilih sama ada mengambil sepenuhnya pekerja tempatan (dalam kalangan warganegara) atau turut menggajikan buruh asing. Namun, FELCRA tidak dibenarkan menggajikan sepenuhnya pekerja dari kalangan

¹⁶ Temubual. En. Mohd Isa Bin Abu Bakar di Pejabat FELCRA Wilayah Perak. Ketua Unit Perancang Tanam Semula. 23 Disember 2020

¹⁷ Maimunah Ismail, *Pengembangan Implikasi Ke Atas Pembangunan Masyarakat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), 30.

buruh asing dan mengabaikan pekerja tempatan. Bagi melancarkan pelaksanaan semua projek pembangunan tanah yang disenaraikan di atas, FELCRA Perak turut menggajikan pegawai pengurusan yang bertanggungjawab mengelolakan FELCRA tempat mereka bertugas. Pegawai pengurusan ini dibantu oleh penyelia dan pembantu luar untuk mengawal dan menentukan kerja pemulihan dan pengurusan rancangan tanah dapat berjalan dengan lancar dan teratur.

Pemulihan Tanah

Pada peringkat awal penubuhan FELCRA Perak, ia diberi tanggungjawab untuk memberi tumpuan kepada pelbagai usaha untuk memulihkan semula beberapa rancangan tanah kerajaan yang gagal. Ini termasuklah tanah yang ditinggalkan disebabkan pokok getah yang ditanam di tanah berkenaan tidak mampu menghasilkan pengeluaran getah yang banyak dan merangsangkan dari sudut kualitinya.¹⁸ Usaha FELCRA ini selaras dengan misi untuk meningkatkan taraf kehidupan penduduk di kawasan luar bandar melalui peningkatan hasil pengeluaran tanaman di tanah mereka.

Selaras dengan itu, pihak FELCRA di negeri Perak melakukan pemeriksaan terhadap keadaan tanah di sesebuah kawasan pertanian. FELCRA juga turut membuat anggaran pengiraan tentang jangkaan pendapatan bersih setiap keluarga peserta sekiranya kawasan pertanian berkenaan diambil alih oleh FELCRA, ia penting supaya proses pengambilalihan berjaya dan tidak merugikan kedua-dua pihak.¹⁹ Kajian dan penilaian ini dianggap sebagai prosedur yang penting kerana mengikut dasar FELCRA, perbelanjaan pemulihan yang dikeluarkan bagi sesuatu kawasan ditanggung oleh para peserta yang mengusahakan atau memiliki tanah tersebut. Ringkasnya semua kos kewangan yang berkenaan diberikan dalam bentuk pinjaman dan bayaran balik dikutip secara beransur-ansur.

Peserta FELCRA juga dikenakan faedah pinjaman dalam tempoh sembilan tahun setelah rancangan itu mengeluarkan hasil pertanian.²⁰ Oleh yang demikian, sekiranya perbelanjaan pemulihan tanah ini melebihi pulangan pelaburan modal selepas penyiasatan dan kajian yang dijalankan, FELCRA tidak akan mengambil alih kawasan pertanian tersebut untuk tujuan pemulihan. Ia adalah pendekatan tegas yang diambil oleh FELCRA bagi memastikan semua projek yang dijalankan tidak membebankan pihak FELCRA dan pesertanya.

Dalam sejarah FELCRA di Perak, proses pemulihan dilaksanakan di dua lokasi utama. Lokasi pertama adalah FELCRA Lekir yang terletak di Manjung Perak manakala tempat kedua ialah FELCRA Nasaruddin pemulihan di Bota, Perak.²¹ Berdasarkan kepada maklumat daripada temu bual yang dijalankan dengan kakitangan FELCRA, Rancangan Tanaman Semula dilakukan dengan mengambil kira beberapa perkara. Antaranya,²²

¹⁸ Hafiz Majid, *FELCRA: Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan*, (Kuala Lumpur: Pixel Fuse, 2009), 25

¹⁹ Temubual. En. Mohd Isa Bin Abu Bakar di Pejabat FELCRA Wilayah Perak. Ketua Unit Perancang Tanam Semula. 23 Disember 2020

²⁰ *Ibid.*

²¹ Temubual. En. Mohd Isa Bin Abu Bakar di Pejabat FELCRA Wilayah Perak. Ketua Unit Perancang Tanam Semula. 23 Disember 2020

²² *Ibid*

- (i) Pokok yang ditanam di tanah berkenaan mestilah berumur lebih dari 25 tahun
- (ii) Hasil pengeluaran pokok di tanah berkenaan jumlahnya tidak mencapai 10 tan
- (iii) Jumlah pokok yang masih hidup (di setiap satu hektar) adalah kurang daripada 100 batang.

Dalam Rancangan Tanaman Semula, FELCRA lebih mengutamakan kepada kelapa sawit berbanding pokok getah dan padi kerana hasil yang dikeluarkan oleh pokok sawit lebih baik dan cepat berbanding pokok getah dan pokok padi.²³ Secara umumnya, kelapa sawit boleh mengeluarkan hasil selepas 30 bulan ditanam. Hasilnya lebih menguntungkan dan cepat berbanding padi dan getah. Tanaman padi hanya boleh dituai sebanyak lima kali dalam tempoh dua tahun manakala pokok getah pula hanya mengeluarkan hasil setelah berumur tujuh tahun.²⁴ Sehubungan itu, tanaman kelapa sawit dilihat lebih lumayan berbanding padi dan getah.

Walaupun FELCRA melakukan pelbagai kajian awal sebelum melaksanakan sesuatu projek, namun ia tidak menjamin kejayaan berpihak sepenuhnya kepada mereka. Sebagai contohnya, pelaksanaan Program Pemulihan Tanah di FELCRA Nasaruddin gagal pada peringkat awalnya disebabkan oleh kurangnya tumpuan dan sedikit kelalaian dari pihak FELCRA. Namun kesilapan berkenaan telah diperbaiki pada masa berikutnya. Sebagai contohnya pada tahun 1995, FELCRA berjaya melakukan pemulihan terhadap tanah di FELCRA Nasaruddin dengan melibatkan ladang seluas 74.54 hektar. Projek ini dilaksanakan dengan kos sebanyak RM 12,999.40.²⁵ Kejayaan projek pemulihan ini dilihat daripada jumlah hasil yang dikeluarkan daripada tanah berkenaan. FELCRA melaporkan bahawa projek berkenaan mendatangkan hasil sehingga RM 201,162.96.²⁶ Ini menunjukkan bahawa FELCRA Nasaruddin mendatangkan faedah ekonomi yang besar kepada pihak FELCRA dan pesertanya. Ringkasnya, pemulihan tanah merupakan satu pembangunan tanah yang dilakukan oleh FELCRA dan mendatangkan keuntungan yang besar kepada pihak FELCRA. Ia menunjukkan FELCRA merealisasikan tujuan utama penubuhannya untuk membantu masyarakat luar bandar membangunkan tanah mereka dan menikmati hasil ekonominya.

Rancangan Tanah Pinggir

FELCRA memulakan pembukaan dan memajukan Rancangan Tanah Pinggir pada tahun 1970 iaitu selepas Kerajaan Persekutuan menamatkan bantuan pinjamannya kepada semua kerajaan negeri.²⁷ Secara amnya, konsep pembangunan dan pembukaan Rancangan Tanah Pinggir FELCRA agak mirip dengan konsep pembukaan Rancangan Tanah Pinggir di bawah kelolaan Kerajaan Negeri. Konsep pembukaan Rancangan Tanah pinggir oleh kerajaan negeri menumpukan kepada pembukaan tanah kerajaan di kawasan pinggir kampung. Ia disasarkan kepada penduduk atau masyarakat setempat yang tinggal dalam lingkungan tiga batu dari kawasan yang dikenalpasti untuk dibangunkan sebagai Rancangan Tanah Pinggir. Pendekatan yang digunakan oleh kerajaan negeri ini turut digunakan oleh FELCRA kerana ia lebih efisien kepada pihak mereka dalam pelbagai sudut. Misalnya, FELCRA tidak perlu menyediakan kemudahan perkampungan dan ini menjimatkan mereka dan tidak perlu menguruskan perpindahan peserta ke kawasan baharu. Seterusnya, dalam pelaksanaan Rancangan Tanah Pinggir kerajaan Negeri dan FELCRA di Perak menguruskannya dalam bentuk estet. Peserta

²³ *Ibid.*

²⁴ *Ibid.*

²⁵ Pejabat FELCRA Wilayah Perak

²⁶ Pejabat FELCRA Wilayah Perak

²⁷ Mohd Shukri Haji Abdullah, *Strategi Pembangunan Desa Semenanjung Malaysia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 98

diberi tanah dengan keluasan tidak lebih dari enam ekar iaitu di bawah aras optimum tetapi pemberian tanah ini bergantung kepada keluasan tanah FELCRA itu sendiri. Rancangan ini juga dikenali sebagai mini estet berkelompok di mana FELCRA akan memajukan kawasan tersebut sehingga mendapat hasil. Hasil yang diperolehi daripada estet/mini estet diagihkan kepada peserta secara bersama.²⁸ Ini bermaksud semua peserta FELCRA tidak akan mendapat lot tanah untuk dimiliki secara individu. Mereka hanya diberikan hak dalam bentuk saham yang mempunyai nilai sama dengan enam ekar tanah tanaman getah dan kelapa sawit.²⁹

Dalam pelaksanaan Rancangan Tanah Pinggir, FELCRA membantu golongan pekebun kecil kelapa sawit di Perak untuk menanam semula kebun mereka melalui tabung tanaman semula kelapa sawit, Ia adalah bantuan yang signifikan kerana tanpa bantuan berkenaan, tanah kebun akan terbiar kerana kebanyakan daripada pekebun kecil tidak mempunyai keupayaan untuk menanggung kos penanaman semula yang tinggi.³⁰

Kawasan yang terlibat dalam Rancangan Tanah Pinggir ini adalah FELCRA Seberang Perak.³¹ Setiap peserta FELCRA di Seberang Perak memperoleh tanah sebanyak enam ekar. Daripada jumlah tersebut, tiga ekar dikhususkan bagi penanaman kelapa sawit dan tiga ekar bakinya ditetapkan untuk tanaman padi.³² Ini bermaksud setiap peserta mendapat dua jenis tanah iaitu tanah kebun dan tanah bendang. Pelaksanaan Rancangan Tanah Pinggir ini bermanfaat untuk meneruskan kelangsungan hidup para pekebun kecil dan memastikan tanah pertanian tidak terbiar tanpa diusahakan.

Rancangan Tanah Belia

Rancangan Tanah Belia dilancarkan dengan tujuan untuk menggalakkan penglibatan golongan muda untuk terlibat dalam sektor pertanian. Ini juga merupakan respon kepada fenomena sosial dalam tempoh kajian ini di mana golongan muda lebih cenderung berhijrah mencari pekerjaan di kawasan bandar. Fenomena ini memberikan kesan besar kepada sektor pertanian kerana kurangnya jumlah tenaga kerja. Pihak FELCRA mengambil langkah bagi mengurangkan penghijrahan dengan mewujudkan peluang pekerjaan melalui Rancangan Tanah Belia. Ia umpama serampang dua mata kerana rancangan ini memastikan tanah yang terbiar dan tidak diusahakan dapat dimajukan dan dipulihkan. Sehingga tahun 1977, FELCRA melaburkan jutaan ringgit untuk menggalakkan penyertaan pemuda dalam rancangan-rancangan tanah.³³

Walau bagaimanapun, FELCRA memilih peserta dengan berhati-hati dengan tujuan supaya semua peserta boleh menyumbang untuk FELCRA mencapai misi yang ditetapkan semasa penubuhannya. Sehubungan itu, dalam pelaksanaan Rancangan Tanah Belia, pihak FELCRA meletakkan beberapa kriteria sebagai syarat yang perlu dipenuhi oleh semua pemohon.

²⁸ Mini Estet Berkelompok, *Titian Mesra*, 1 Mei 1995. Hlm 10

²⁹ Temubual. En. Mohd Isa Bin Abu Bakar di Pejabat FELCRA Wilayah Perak. Ketua Unit Perancang Tanam Semula. 23 Disember 2020

³⁰ Dewan Rakyat. Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Mesyuarat Kedua. 6 Mei 1992 <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-06051992.pdf>. 10 Januari 2021

³¹ Temubual En. Radzi B. Ali. FELCRA Changkat Lada Seberang Perak. Penolong Pembantu Ladang FELCRA Changkat Lada. FELCRA Seberang Perak Berhad. 17 Disember 2020.

³² *Ibid.*.

³³ Dewan Rakyat. Parlimen Keempat, Penggal Ketiga, Mesyuarat Pertama. 1 November 1977 <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-01111977.pdf>. 10 Januari 2021

Antaranya adalah:

- (i) Berumur 17 hingga 23 tahun
- (ii) Tidak mempunyai pekerjaan tetap
- (iii) Mempunyai minat di dalam bidang pertanian
- (iv) Memiliki kelulusan akademik yang rendah

Jika kesemua kriteria tersebut dipenuhi permohonan yang dikemukakan akan diterima dan peserta perlu menyelesaikan beberapa latihan yang ditetapkan oleh pihak FELCRA. Latihan asas yang perlu diikuti oleh peserta adalah latihan rohani dan jasmani yang dikendalikan oleh pihak FELCRA di Pusat Latihan Belia.³⁴ Latihan ini dianggap penting kerana ia menjadi asas untuk mereka melakukan kerja dalam bidang pertanian yang memerlukan ketahanan tubuh yang bertenaga dan mental yang stabil. Selain itu peserta Rancangan Tanah Belia perlu mengikuti latihan dalam bidang asas pertanian dan kemahiran pembangunan tanah. Setelah semua kursus berkenaan selesai diikuti peserta akan di tempatkan di Rancangan Tanah Belia. Jelasnya, proses pengambilan yang dilakukan oleh pihak FELCRA agak ketat dan peserta yang terpilih disediakan dengan ilmu asas yang menolong mereka untuk menyesuaikan diri dalam bidang pertanian.

Perlaksanaan Rancangan Tanah Belia membolehkan peserta mendapat manfaat daripada tanah terbiar yang dipulihkan dan dimajukan oleh pihak FELCRA. Mereka diberikan pemilikan saham sama seperti yang digunapakai kepada peserta Rancangan Tanah Pinggir.

Di Perak, Rancangan Tanah Belia dilaksanakan di FELCRA Nasaruddin Belia (Bota) dan FELCRA Lekir (Manjung) dan FELCRA Seberang Perak (Kg. Gajah). FELCRA Seberang Perak hanya kepada tanaman padi.³⁵ Bagi memastikan keselesaan para peserta Rancangan Tanah Belia, kemudahan seperti asrama, bekalan air, elektrik, kemudahan kesihatan dan perubatan, dewan, surau, padang bola dan alatan permainan disediakan untuk kegunaan peserta.³⁶ Jelasnya, setelah peserta dipilih dalam kaedah pemilihan yang tertentu dan menjalani latihan yang disediakan oleh pihak FELCRA, mereka diberikan tempat tinggal dan kemudahan harian yang lain.

Selain itu, pihak FELCRA Perak sering mengaturkan berbagai-bagai aktiviti seperti kerja ladang yang bertujuan untuk memastikan kehidupan harian para peserta dipenuhi dengan aktiviti yang bermanfaat. Antara aktiviti yang digalakkan oleh pihak FELCRA adalah menternak ayam atau ikan dan juga menanam tanaman kontan.³⁷ Kemudahan asas dan aktiviti kerja harian ini penting bagi meminimumkan jumlah peserta yang menarik diri. Namun begitu, para peserta yang muda dan kurang berpengalaman ini tidak dibebankan dengan kerja yang dianggap terlalu berat dan tidak sesuai dengan pengalaman mereka. Sehubungan itu, pekerjaan seperti menebas, menebang, penyediaan kawasan penanaman serta penanaman pokok dibuat oleh kontraktor yang dilantik oleh FELCRA melalui tawaran kontrak. Para peserta Rancangan Tanah Belia hanya bertanggungjawab untuk kerja selepas proses penanaman selesai.³⁸

³⁴ Temubual. En. Mohd Isa Bin Abu Bakar di Pejabat FELCRA Wilayah Perak. Ketua Unit Perancang Tanam Semula. 23 Disember 2020

³⁵ Temubual En. Radzi B. Ali. FELCRA Changkat Lada Seberang Perak. Penolong Pembantu Ladang FELCRA Changkat Lada. FELCRA Seberang Perak Berhad. 9 Disember 2020

³⁶ Temubual. En. Mohd Isa Bin Abu Bakar di Pejabat FELCRA Wilayah Perak. Ketua Unit Perancang Tanam Semula. 23 Disember 2020

³⁷ *Ibid.*

³⁸ Temubual. En. Mohd Isa Bin Abu Bakar di Pejabat FELCRA Wilayah Perak. Ketua Unit Perancang Tanam Semula. 23 Disember 2020

Oleh kerana kebanyakan para peserta adalah dari golongan belia yang belum berkeluarga, pihak FELCRA memperuntukkan sebuah kawasan perkampungan khas bagi kegunaan para peserta pada masa hadapan. Sehubungan Rancangan Tanah Belia mempunyai kawasan yang disediakan sebagai tapak rumah untuk kegunaan peserta apabila mereka berkahwin dan memerlukan kediaman untuk memulakan hidup. Selain itu, kemudahan sosial dan awam juga disediakan. Bagi meningkatkan kedudukan kewangan peserta, FELCRA menggalakkan peserta Rancangan Tanah Belia untuk menjalankan projek ekonomi desa seperti penternakan ayam, ikan dan tanaman kontan.³⁹ Selain daripada mendapatkan wang tambahan, projek berkenaan diharap akan mencetuskan minat para belia untuk menyertai FELCRA. Jelasnya, Rancangan Tanah Belia merupakan satu cabang pembangunan oleh FELCRA yang dirancang bagi membantu golongan belia dalam menjana pendapatan sendiri melalui sektor pertanian.

Projek Penyusunan Semula Kampung – Kampung (PPSK)

Projek ini dijalankan sebagai sebahagian daripada program halacara baharu pembangunan kawasan luar bandar yang dilakukan melalui kerjasama FELCRA dengan agensi pembangunan yang lain. Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk menyediakan penempatan secara tersusun dan teratur kepada peserta yang terlibat.⁴⁰ Ia dilakukan dengan penyusunan semula kampung tradisional yang dikategorikan sebagai mundur supaya menjadi sebuah perkampungan yang teratur dan lengkap untuk berfungsi sebuah pusat perkhidmatan atau pertumbuhan desa. Penentuan pusat perkhidmatan dan perumahan di PPSK adalah berdasarkan kepada kedudukan yang strategik. Dengan pelaksanaan program ini, FELCRA menyasarkan untuk menyediakan perkhidmatan dan infrastruktur ke kawasan luar bandar. PPSK dihuni oleh peserta yang menjadi pekerja sepenuh masa di kampung berkenaan. Selain daripada “menghidupkan semula” kampung PPSK juga dirancang supaya pesertanya mendapat pekerjaan yang boleh meningkatkan pendapatan mereka melalui upah dan pembahagian keuntungan projek.

Selain itu, PPSK juga menjalankan projek dengan menyatukan tanah milik individu dengan tanah kerajaan dengan tujuan supaya semua tanah berkenaan dapat diuruskan dengan berkesan. Pihak FELCRA akan bekerjasama dengan agensi tertentu bagi menguruskan tanah berkenaan dengan kaedah pengurusan ladang yang terkini dan moden.⁴¹ PPSK mementingkan tanah ladang di dalam pelaksanaan projeknya kerana ladang dianggap sebagai asas penting kepada pesertanya. Untuk itu, FELCRA menyuntik pelaburan di ladang yang berhampiran dengan kampung yang terlibat dalam PPSK. Ladang berkenaan dijadikan sebagai medium untuk meningkatkan taraf hidup di kampung yang terlibat berbanding sebelumnya. pembangunan industri desa, perusahaan kecil-kecilan dan kegiatan – kegiatan ekonomi yang lain. Ringkasnya, PPSK bertujuan untuk memperkasakan ekonomi masyarakat.

PPSK dilaksanakan di Perak pada 1995 kerana pada tahun berkenaan FELCRA menempatkan seramai 180 peserta di FELCRA Seri Gala di Slim River.⁴² Mereka merupakan antara keluarga termiskin yang terpilih ketika itu. Sesuai dengan fungsinya sebagai sebuah FELCRA PPSK, FELCRA Seri Gala menyediakan 80 buah rumah untuk peserta bagi menjayakan tanaman getah di kawasan ladang berhampiran. Pekerjaan di ladang membantuk ekonomi penduduk di Seri Gala kerana mereka berjaya mencatatkan pendapatan yang berjumlah sekitar RM500

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ Temubual. En. Mohd Isa Bin Abu Bakar di Pejabat FELCRA Wilayah Perak. Ketua Unit Perancang Tanam Semula. 23 Disember 2020

⁴¹ Ramli Cetus Idea Saham Untuk Rakyat Termiskin, *Titian Mesra*, 1 Mei 1995. Hlm 1

⁴² Peserta PPRT Jadi Peneroka, *Titian Mesra*, Februari 1995

hingga RM600 sebulan.⁴³ Ringkasnya, FELCRA di Perak berjaya membantu keluarga termiskin melalui program PPSK.

Kesimpulan

Kesimpulannya, FELCRA memainkan peranan penting dalam usaha pemulihan dan pembangunan sosioekonomi luar bandar di Perak. Melalui pelaksanaan proses pemulihan tanah, Program Rancangan Tanah Pinggir, Rancangan Tanah Belia dan Projek Penyusunan Semula Kampung-Kampung (PPSK) sepanjang tempoh kajian ini, FELCRA telah menyumbang secara signifikan kepada penyusunan semula kawasan desa, peningkatan produktiviti pertanian serta pengukuhan ekonomi masyarakat setempat. Usaha ini bukan sahaja mencerminkan komitmen kerajaan terhadap pembangunan luar bandar, malah menjadi asas kepada transformasi struktur ekonomi desa yang lebih tersusun dan mampan di negeri Perak. Walau bagaimanapun, perbincangan dalam makalah ini mempunyai keterbatasan kerana tidak merangkumi dua lagi program utama FELCRA, iaitu Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) dan Pembangunan Kampung Secara In-Situ. Penelitian yang lebih mendalam terhadap kedua-dua aspek ini diyakini dapat memperlihatkan peranan FELCRA yang lebih menyeluruh dan komprehensif dalam pembangunan luar bandar di Perak

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak FELCRA yang banyak membantu semasa proses kajian ini dijalankan.

Bibliografi

- Abdul Aziz Abdul Rahman. *Economic Reforms and Agricultural Development in Malaysia, Asean Economic Bulletin* April, 1998) 59 – 76.
- Abdul Rahman Abdul Aziz, *Pembangunan 1960-an: daripada kata-kata Tun Abdul Razak Hussein*, (Kuala Lumpur: ITBM)
- Bushra Yusof, *Dasar-Dasar Kerajaan Malaysia: Dasar Ekonomi*, (Kuala Lumpur: A. S. Noordeen, 1993
- Dewan Rakyat. Parlimen Keempat, Penggal Ketiga, Mesyuarat Pertama. 1 November 1977 <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-01111977.pdf>. 10 Januari 2021
- Dewan Rakyat. Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Mesyuarat Kedua. 6 Mei 1992 <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-06051992.pdf>. 10 Januari 2021
- Dewan Rakyat. Parlimen Ketujuh, Penggal Keempat. Mesyuarat Pertama. 6 Mac 1990 <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-06031990.pdf>. 10 Januari 2021
- FELCRA, 2015, *Misi, Visi, Objektif & Teras Kumpulan Hal Ehwal Peserta*, diakses di <https://epeserta.felcra.com.my/sepintas-lalu/visi-misi-objektif-khep>, 18 Januari 2021.
- FELCRA, *Berita Harian*, 21 September 1964.
- Hafiz Majid, *FELCRA: Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan*, (Kuala Lumpur: Pixel Fuse, 2009)
- Maimunah Ismail, *Pengembangan Implikasi Ke Atas Pembangunan Masyarakat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989)

⁴³ *Ibid.*

- Main Rindam, *Tanah Terbiar: Masalah dan penyelesaiannya*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994)
- Majalah FELCRA: *The Land Consolidation and Rehabilitation*, (Ibu Pejabat FELCRA, Kuala Lumpur, 1988),
- Mini Estet Berkelompok, *Titian Mesra*, 1 Mei 1995.
- Mohd Shukri Haji Abdullah, *Strategi Pembangunan Desa Semenanjung Malaysia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992)
- Pejabat FELCRA Wilayah Perak
- Peserta PPRT Jadi Peneroka, *Titian Mesra*, Februari 1995
- Ramli Cetus Idea Saham Untuk Rakyat Termiskin, *Titian Mesra*, 1 Mei 1995.
- Rokiah Talib, *Land Development: Strategy for Change*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 94.
- Shamsul Bahrin, *Kemajuan Tanah dan Penempatan Semula di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011)
- Sulong Mohamad dan Katiman Rostam, *Pembangunan Tanah di Malaysia*, (Kuala Lumpur: , Federal Land Development Authority (FELDA).2007)
- Temubual En. Radzi B. Ali. FELCRA Changkat Lada Seberang Perak. Penolong Pembantu Ladang FELCRA Changkat Lada. FELCRA Seberang Perak Berhad. 17 Disember 2020.
- Temubual. En. Mohd Isa Bin Abu Bakar di Pejabat FELCRA Wilayah Perak. Ketua Unit Perancang Tanam Semula. 23 Disember 2020